

24 FEB 2000

TABUNG AMANAH BAKUN MENGUMPUL RM11 JUTA, KATA MASING

KUCHING, 24 Feb (Bernama) -- Tabung Amanah Bakun, sebuah tabung berasaskan pendidikan untuk membantu mereka yang lahir dari Daerah Belaga di Bahagian Kapit dalam bidang itu telah mengukuhkan simpanannya daripada RM10 juta kepada RM11 juta.

Pengerusinya Datuk Dr James Jemut Masing hari ini berkata sejumlah 200 penerima telah mendapat manfaat daripada tabung itu yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1996.

Seorang daripada penerimanya akan lulus pengajian tinggi tahun ini, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pakej Penerbangan Transmile dan Pakej Percutian Transmile di sini hari ini.

Kedua-dua pakej Transmile itu menawarkan tambang kapal terbang serendah RM179 bagi tiket perjalanan satu hala, tidak termasuk pakej pelancongan, bagi perjalanan Kuching-Subang dan RM299 bagi penerbangan Kota Kinabalu-Subang. Untuk tiket dua hala, ia menawarkan RM299 bagi penerbangan Kuching-Subang dan RM499 Kota Kinabalu ke Subang.

Masing berkata graduan itu, yang mengambil kursus senibina, merupakan satu-satunya pelajar di luar negeri yang ditaja oleh tabung itu.

Masing berkata tabung itu telah membelanjakan sejumlah RM500,000 untuk menyediakan biasiswa bagi para pelajar melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang.

-- BERNAMA

RDY RON